

29 OCT 2000

MAHATHIR BERLEPAS KE BRUNEI

HONG KONG, 29 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Brunei dari sini pagi ini.

Dr Mahathir yang disertai isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, adalah dalam rangka lawatan dua hari ke Brunei.

Beliau dijadualkan menemui Sultan Hassanah Bolkiyah lewat hari ini.

Malam tadi, Dr Mahathir berucap pada majlis Asia Society di sini, dan beliau juga bertemu dengan beberapa ahli perniagaan Hong Kong termasuk pengerusi Kumpulan Hutchison Li Ka Shing.

Beliau juga telah makan tengah hari bersama-sama masyarakat Malaysia di sini.

-- BERNAMA

TCL AZZ AZZ RI